

**TUKANG TELINGA BESAR**  
Great Eared Nightjar

FAMILI: Eurostopodidae  
NAMA SAINTIFIK: *Eurostopodus macrotis*

**CIRI-CIRI**

Individu dewasa sub-spesies *E.m.cerviniceps*, mempunyai saiz yang lebih besar, sayap dan ekor yang lebih panjang berbanding burung tukang yang lain. Bahagian sayap dan ekor kurang tanda putih atau pudar. Bahagian atas kepala berwarna kelabu-kuning pucat dengan tanda hitam pada bahagian tengah. Terdapat kolar putih pada tekak dan kuning pucat pada bahu. Bahagian atas badan yang lain gelap dan seragam. Bahagian atas ekor mempunyai jalur gelap melintang. Maklumat mengenai individu juvenil adalah sangat kurang. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 40.5-41.0 sm.

**MAKANAN**

Dietnya terdiri daripada riang-riang, belalang, rama-rama, kupu-kupu, kumbang, semut, anai-anai dan beluncas.

**HABITAT**

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di kawasan terbuka atau kawasan yang telah ditebang berdekatan hutan dipterokarp dan hutan daun luruh, hutan paya air tawar sehingga ke ketinggian 1,220 m dari paras laut.

**BUNYI**

Spesies ini mengeluarkan bunyi siulan yang panjang, *put PEE-OUW*, dimulai dengan nota pendek yang hanya boleh didengar dalam jarak yang dekat.

**PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Januari hingga Jun. Individu betina boleh menghasilkan sebiji telur berwarna putih-krim hingga merah jambu dengan tompok coklat kemerahan. Spesies ini tidak mempunyai sarang, sebaliknya telur diletakkan di atas tanah.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.